



GARIS PANDUAN CABARAN SAINS KEBANGSAAN (NSC) 2026 **PERINGKAT NEGERI (CABARAN SAINTIFIK)**

1.0 PENGENALAN

Di Peringkat Negeri NSC 2026, setiap pasukan akan diberikan pernyataan masalah yang dibangunkan bersama agensi rakan strategik NSC 2026. Selaras dengan tema “**Memantapkan Asas Sains untuk Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Inklusif**”, pernyataan masalah telah direka untuk mencerminkan cabaran dunia sebenar dan mendorong murid menggunakan pengetahuan sains, kemahiran eksperimen, kreativiti, dan kerja berpasukan untuk mencadangkan penyelesaian.

Bagi membantu murid membangunkan eksperimen:

- I. Setiap pasukan akan menerima satu **kit eksperimen** yang mengandungi bahan dan radas yang sesuai untuk digunakan dalam pernyataan masalah. Walaupun murid digalakkan menggunakan kit tersebut sebagai panduan, penggunaan bahan adalah tidak terhad dan mereka boleh menggunakan bahan lain dan menggunakan idea serta pemikiran saintifik mereka sendiri untuk mereka bentuk dan menjalankan eksperimen.
- II. Murid juga akan dibimbing melalui **video yang disediakan oleh agensi**, bagi membantu pasukan memahami konteks saintifik di sebalik pernyataan masalah yang diberikan.
- III. Setiap pasukan akan dibimbing oleh seorang **Mentor daripada Young Scientists Network – Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM)** bagi membantu dalam penyediaan laporan cabaran saintifik dan pelaksanaan eksperimen. Senarai mentor akan diumumkan pada 8 Jun 2026.

Peringkat Negeri NSC 2026 terdiri daripada **DUA** komponen:

Laporan Saintifik (50%)

Rakaman Video (50%)

2.0 PANDUAN DAN PERATURAN

A. LAPORAN SAINTIFIK (50%)

1. Setiap pasukan dikehendaki menghantar satu laporan makmal saintifik yang merangkumi dokumentasi eksperimen, data, analisis, dan kesimpulan kajian.

Laporan saintifik tersebut hendaklah disediakan menggunakan **Templat Laporan Saintifik NSC 2026** yang telah ditetapkan.

2. Laporan perlu ditulis dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**, dan bahasa yang digunakan hendaklah selaras dengan penggunaan bahasa dalam rakaman video.
3. Laporan perlu **ditaip atau ditulis dengan tangan**. Walaubagaimanapun, setiap pasukan adalah digalakkan untuk menaip laporan untuk memastikan laporan adalah teliti dan teratur. Sekiranya laporan ditulis dengan tangan, ianya mestilah jelas, kemas, dan mudah dibaca oleh juri.
4. Setiap data, pemerhatian, gambar, rajah, jadual, dan graf mestilah **asli** dan berkaitan dengan eksperimen pasukan masing-masing.
5. Eksperimen yang dijalankan hendaklah bersesuaian, selamat, serta boleh dijalankan menggunakan bahan dan radas yang sedia ada.
6. Sebarang maklumat yang diperolehi daripada buku, laman web, artikel, atau sumber lain hendaklah dinyatakan dan dirujuk dengan betul dalam bahagian rujukan.
7. Laporan mestilah merupakan hasil kerja asli pasukan dan tidak boleh mengandungi data palsu, kandungan yang disalin, atau eksperimen yang sebenarnya tidak dijalankan. Sebarang bentuk plagiarisme adalah dilarang sama sekali.
8. Kecerdasan buatan (AI) tidak boleh digunakan untuk mereka-reka data, menghasilkan keputusan palsu, mencipta rajah, graf, jadual, analisis atau kesimpulan, atau menggantikan kerja yang sepatutnya dijalankan oleh pasukan. Sebarang penggunaan AI generatif yang lain mestilah diisytiharkan semasa penghantaran.
9. Penganjur berhak menjalankan semakan plagiarisme dan/atau semakan kandungan yang dijana oleh AI. Mana-mana penyertaan yang didapati melanggar peraturan ini boleh dibatalkan penyertaannya.
10. Laporan saintifik yang dihantar hendaklah **TIDAK** melebihi **10 muka surat**, termasuk muka surat pertama bahagian rujukan.
11. Sebarang penghantaran yang lewat **TIDAK** akan diterima.

B. RAKAMAN VIDEO (50%)

1. Video yang dirakam hendaklah **MEMAPARKAN** dengan jelas eksperimen yang dijalankan oleh murid, termasuk susunan dan reka bentuk eksperimen, penjelasan saintifik, hasil kajian, serta kesimpulan yang diperolehi.
2. Semua ahli pasukan mestilah terlibat dan muncul dalam rakaman video, sama ada melalui percakapan, perbuatan, penerangan, atau bantuan dalam pelaksanaan eksperimen.
3. Eksperimen yang dirakamkan dalam video hendaklah sama dengan eksperimen dalam laporan saintifik.
4. Gambar atau rajah yang berkaitan, seperti label, diagram, carta alir, jadual, atau graf, boleh digunakan untuk membantu menjelaskan penerangan eksperimen.
5. Rakaman video yang dihantar hendaklah merupakan hasil karya asli pasukan. Murid tidak boleh menggunakan skrip yang disalin, penceritaan yang dihasilkan oleh AI, atau rakaman eksperimen yang dipalsukan atau mengelirukan. Pihak penganjur berhak menyemak rakaman video bagi menilai keaslian dan

kesahihannya. Mana-mana video yang didapati mengelirukan, disalin, atau tidak dihasilkan mengikut peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan pasukan dibatalkan.

6. **Tiada bantuan profesional dibenarkan.** Guru mentor boleh memberi bimbingan semasa rakaman video dilakukan tetapi **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam rakaman video.
7. Rakaman video yang dihantar **TIDAK BOLEH** mengandungi bahasa kasar, kandungan yang tidak senonoh, ganas, perkauman, atau maklumat fitnah. Kegagalan mematuhi spesifikasi ini akan menyebabkan pembatalan automatik pasukan.
8. Sebarang penghantaran yang lewat **TIDAK** akan diterima.
9. Video hendaklah dirakam dan dihantar dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dengan durasi maksimum 3 minit, termasuk skrin tajuk selama 10 saat.** Penggunaan bahasa mestilah selaras dengan bahasa di dalam laporan saintifik. Sila rujuk spesifikasi teknikal di bawah berkenaan rakaman video.

SPESIFIKASI TEKNIKAL VIDEO

1. Semua video mesti bermula dengan paparan pembukaan selama 10 saat yang memaparkan butiran berikut:
 - i. ID Pasukan
 - ii. Nama sekolah
 - iii. Negeri
 - iv. Tajuk video
2. Video mesti dihantar sebagai satu fail tunggal dengan spesifikasi berikut:
 - a. **Saiz maksimum:** 500 MB
 - b. **Format:** MP4
 - c. **Orientasi:** Landskap, 1080p (H) x 1920p (L)
 - d. **Durasi:** 3 minit
 - e. **Audio:** Sila pastikan audio adalah jelas dan mudah didengari. Penggunaan mikrofon adalah sangat digalakkan. Jika mikrofon tidak tersedia, sila rakam dalam persekitaran yang sunyi bagi mengurangkan bunyi latar.
 - f. **Bahasa:** Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa mesti konsisten dengan laporan saintifik.

KRITERIA PENILAIAN

1. **Juri** akan menilai pasukan berdasarkan **Rubrik Penilaian**. Keputusan juri adalah **muktamad**.
2. Laporan saintifik akan dinilai berdasarkan:
 - **Abstrak:** Ringkasan projek termasuk objektif, metodologi, hasil kajian, kesimpulan.
 - **Pengenalan:** Pengenalan kepada projek termasuk latar belakang projek, pernyataan masalah dan objektif.
 - **Metodologi:** Huraikan semua langkah, bahan, dan peralatan yang digunakan dalam eksperimen, serta terangkan tujuan setiap langkah.
 - **Keputusan & Perbincangan:** Catat hasil kajian berdasarkan objektif eksperimen beserta perbincangan dan analisis yang sesuai.

- **Kesimpulan:** Rumuskan hasil kajian dalam mencapai semua objektif eksperimen.
3. Rakaman video akan dinilai berdasarkan:
- **Sintesis 3 Minit:** Rumuskan dan terangkan keseluruhan eksperimen dengan jelas dalam 3 minutes.
 - **Komunikasi Sainifik:** Terangkan dengan jelas reka bentuk eksperimen, proses penyiasatan, dan hasil kajian melalui penerangan yang jelas, tersusun, dan koheren.
 - **Keputusan & Penemuan:** Tunjukkan hasil kajian beserta perbincangan yang sesuai, dan penerangan yang jelas dan logik.
 - **Perbincangan Sainifik:** Terangkan isu yang berkaitan dengan eksperimen dan jelaskan aspek teknikal dengan mendalam.
 - **Kreativiti dalam Penyelesaian Masalah:** Gunakan teknik dan bahan sesuai untuk menyelesaikan masalah walaupun menghadapi kekangan.
 - **Kerjasama Pasukan:** Tunjukkan usaha kerjasama; setiap ahli menunjukkan inisiatif dan idea.
 - **Justifikasi Impak:** Terangkan mengapa eksperimen anda penting, masalah yang cuba diselesaikan, dan bagaimana ia menambah pengetahuan baharu
 - **Keselamatan & Etika:** Patuhi protokol keselamatan makmal, mengendalikan bahan dengan betul, dan etika semasa menjalankan eksperimen

CARA PENGHANTARAN

1. Tarikh akhir penghantaran untuk laporan saintifik dan rakaman video adalah **pada 17 Julai 2026, 11.59 malam.**
2. Muat naik laporan saintifik dan rakaman video di pautan berikut:
<https://forms.akademisains.gov.my/nsc2026statelevelsubmission>

KAEDAH KELAYAKAN KE PERINGKAT SEPARUH AKHIR DAN AKHIR

- i. 16 pasukan akan dipilih dari **13 Negeri and 3 Wilayah Persekutuan (1 pasukan dari setiap Negeri/ Wilayah Persekutuan)** untuk bertanding di Peringkat Separuh Akhir.
- ii. Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dinyatakan adalah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan, dan W.P. Putrajaya.
- iii. **Satu (1)** pasukan dengan **markah keseluruhan tertinggi** dari setiap negeri akan mara ke peringkat Separuh Akhir.
- iv. Dari Peringkat Separuh Akhir, **lima (5)** pasukan dengan markah keseluruhan tertinggi akan mara ke Peringkat Akhir.
- v. Keputusan juri adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

- TAMAT -